

Dr. Mahathir gembira kerja kebajikan jadi budaya rakyat negara ini

UM 20 AUG 2001

KUALA LUMPUR 23 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad gembira kerana minat membuat kerja kebajikan telah menjadi satu budaya bagi rakyat Malaysia.

Beliau berpendapat rakyat perlu bersyukur keadaan itu kerana keinginan untuk menderma tidak dapat dilihat di kebanyakan negara lain akibat belunggu kemiskinan.

“Sebab itu dalam sesuatu masyarakat mesti ada yang kaya dan miskin.

“Jangan ingat kemiskinan itu menunjukkan kita tidak tamak. Kalau miskin kita tidak dapat tolong yang lain,” katanya

kepada pemberita selepas merasmikan Yayasan Pendidikan Cheras (YPC) di sini hari ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkongsi pengalaman beliau ketika mengunjungi Yemen dan menghadiri Dialog Global 2001 (SAID/LID) di Uganda.

Menurutnya, perhubungan baik di antara Malaysia dan Yemen menyebabkan ramai penduduk negara itu memilih untuk tinggal di sini dan berjaya pula mencipta nama termasuk dalam bidang perniagaan.

Di Uganda pula, kata beliau, pemimpin-pemimpin negara itu menganggap rakyat Malaysia amat bertuah kerana kekayaan

negara telah memberi peluang kepada mereka mendapat pelajaran dengan mudah.

“Di Uganda, anak-anak perempuan sukar mendapat pelajaran, kerap kali disebabkan oleh kemiskinan. Ibu bapa hendak mengahwinkan mereka secepat mungkin untuk melepaskan beban memelihara anak perempuan.

Di negara itu, kata Perdana Menteri, bilangan penduduknya lebih kurang sama dengan Malaysia tetapi pendapatan perkapitanya masih berada pada tahap AS\$300 berbanding AS\$5,000 di negara ini.